KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21.03.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

Lapan gajah liar dipindah di 4 negeri

Kuantan: Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang berjaya menangkap dan memindahkan lapan gajah liar di empat negeri sepanjang tahun ini.

Kelantan mencatat jumlah tangkapan terbanyak iaitu empat ekor diikuti Johor (dua) dan masing-masing seekor di Perak dan Terengganu.

Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman berkata, dalam kejadian terbaru Jumaat lalu, seekor gajah ditangkap di Felda Aring 8, Gua Musang, Kelantan.

Beliau berkata, pihaknya menerima aduan ancaman gajah liar hampir setiap bulan, namun tidak semua aduan berakhir dengan operasi mengesan seterusnya menangkap haiwan itu.

"Ancaman gajah banyak berlaku di Kelantan, Johor, Pahang, Perak, Terengganu dan Kedah. Pembukaan hutan berskala besar menjadi faktor utama haiwan itu menceroboh ke kawasan ladang, kebun dan penempatan.

"Pelbagai usaha terpaksa dilakukan untuk menghalang gajah daripada terus menceroboh. Kaedah kawalan secara berterusan, pagar elektrik dan membina parit besar terpaksa digunakan," katanya dihubungi, kelmarin.

Beliau berkata, terdapat kes pihaknya hanya menghalau kumpulan haiwan itu supaya masuk ke hutan berhampiran seterusnya membuat pemantauan selama beberapa hari di kawasan terbabit.

Menurutnya, operasi menangkap dan memindahkan gajah liar dilakukan terutama apabila haiwan terbabit mengancam manusia dan memusnahkan tanaman seperti buah-buahan, kelapa sawit dan nangka.

"Di Pahang, kali terakhir kita menangkap dan memindahkan gajah pada November tahun lalu apabila haiwan jantan itu ditangkap di kawasan Perumahan Nelayan Sungai Puteri, Kuala Rompin selepas dipercayai keluar dari hutan berhampiran.

"Kita ada menerima beberapa aduan ancaman gajah di negeri ini sepanjang tahun ini, namun operasi menangkap tidak dapat dilakukan disebabkan beberapa faktor," katanya.



GAJAH liar dipindahkan dalam operasi di kawasan Perumahan Nelayan Puteri, Kuala Rompin, pada November tahun lalu.

Pembukaan hutan berskala besar menjadi faktor utama haiwan itu menceroboh ke kawasan ladang, kebun dan penempatan"

Che Ku Mohd Zamzuri

